

# Derma darah cegah risiko penyakit kronik



**PENA  
KAMPUS**

Oleh Nik Nor Asma Nik Long

rencana@mediaprima.com.my

**Darah** satu komponen terpenting dalam perawatan kesihatan manakala keperluan dan permintaan terhadap darah semakin meningkat hasil kemajuan teknologi perubatan serta peningkatan bilangan hospital kerajaan swasta. Rawatan kes seperti pembedahan jantung, pemin-

dahan organ, rawatan pesakit talasemia, haemofilia dan anemia sangat memerlukan pemindahan darah.

Darah manusia tidak boleh dimasukkan dalam badan orang lain jika tidak mengikut jenisnya. Secara umumnya manusia mempunyai empat kumpulan darah iaitu O, A, B dan AB saja.

Kumpulan darah O boleh menerima darah daripada kumpulan darah O sahaja.

Bagaimanapun darah itu boleh didermakan kepada semua penerima. Manakala kumpulan da-

rah AB hanya boleh didermakan kepada individu kumpulan darah yang sama, tapi boleh menerima semua kumpulan darah.

Mutakhir, statistik yang dikeluarkan hanya 2.5 peratus rakyat Malaysia menjadi penderma darah tetap berbanding lima peratus penderma tetap di kebanyakan negara lain di dunia. Ini menunjukkan betapa rakyat Malaysia kurang menderma darah.

Sepatutnya keinginan untuk menderma darah perlu wujud dalam diri setiap individu sebagai satu

tanggungjawab membantu sesama manusia.

Pelbagai persepsi wujud akibat menderma darah, antaranya mendatangkan banyak penyakit kronik. Tanggapan ini salah kerana menderma darah tidak membahayakan penderma, bahkan memelihara kesihatan.

Hakikatnya, penderma darah akan memperoleh pelbagai kebaikan, antaranya pemeriksaan kesihatan secara tetap dan teratur, memperoleh maklumat mengenai pendidikan kesihatan, menggalakkan seseorang mengekalkan gaya hidup

sihat selain membantu merangsang penghasilan sel darah merah yang baru sekali gus menyegarkan kembali sistem tubuh.

Ini kerana selepas menderma darah, kiraan sel darah dalam badan akan berkurangan yang akan merangsang sistem tubuh untuk menghasilkan darah merah baru bagi menggantikan darah yang hilang.

Bahkan menderma darah dapat mencegah dan mengurangkan pengumpulan zat besi berlebihan dalam tubuh seterusnya mengurangkan risiko menghadapi serangan

jantung sebanyak satu pertiga.

Dengan pelbagai manfaat diperoleh hasil pendermaan darah, masyarakat seharusnya tampil melakukan tanggungjawab sosial ini. Ketepikan hal remeh-temeh atau persepsi yang salah, sebaliknya terus bermalam-malam membantu golongan memerlukan. Setitik darah mungkin boleh membantu menyelamatkan nyawa mereka yang memerlukan.

■ Penulis siswa Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

Warga kampus yang berminat menulis dan mempunyai pandangan mengenai isu semasa, sila e-mel kepada lann@hmetro atau ruhaizarusmin@mediaprima.com.my atau rencana@mediaprima.com.my